

**Calon BN Bandar Tun Razak Kempen Rumah Ke Rumah
Bernama
24 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Bandar Tun Razak, Tan Kok Eng menggunakan pendekatan berkempen dari rumah ke rumah untuk memperkenalkan diri dan mendengar masalah rakyat.

Beliau berpendapat cara itu berkesan sehinggakan beliau boleh mengetahui masalah penduduk setempat termasuk soal longkang tersumbat, jalan tidak elok serta membantu pesakit kronik yang tidak berkemampuan mendapatkan rawatan.

Tan yang juga Ketua Pemuda MCA Bandar Tun Razak berkata bantuan anggota parti komponen BN seperti Umno dan MIC di kawasan itu menjadikan masalah penduduk lebih mudah diselesaikan.

"Misalnya, apabila bertemu dengan penduduk berbangsa India, anggota-anggota MIC yang bersama-sama dengan saya turut membantu mereka," katanya pada persidangan media di sini.

Beliau berharap dapat melawat setiap pelosok kawasan parlimen itu dalam masa singkat ini untuk mengetahui dengan lebih dekat masalah penduduk di samping mengenali kawasan berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944927>